

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI
[BETONG]**

SOALAN

Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kementerian untuk pelaksanaan program Transformasi Bas Berhenti-Henti (SBST) di Kuching Sarawak. Apakah langkah-langkah kawalan dan pemantauan yang dilaksanakan oleh LPKP Sarawak dan Kementerian Pengangkutan Sarawak untuk memastikan keberkesanan program SBST itu nanti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah peruntukan yang diluluskan bagi Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-Henti (SBST) di Kuching, Sarawak adalah RM17.6 juta setahun. Bagi tujuan langkah-langkah kawalan dan pemantauan pelaksanaan Program SBST tersebut, LPKP Sarawak telah menetapkan beberapa kriteria bagi memastikan program SBST di Kuching dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kriteria-kriteria yang ditetapkan bagi pelaksanaan Program SBST di Kuching adalah seperti berikut:

- i. Pengendali perkhidmatan dikehendaki menggunakan bas baharu bagi program ini;
- ii. Memastikan pengendali perkhidmatan beroperasi mengikut jadual operasi harian seperti yang telah ditetapkan;
- iii. Memastikan pengendali perkhidmatan menyediakan bas yang dilengkapi dengan Sistem GPS yang mampu untuk menghasilkan *General Transit Feed Specification* (GTFS);
- iv. Memastikan pengendali perkhidmatan menyediakan bas yang dilengkapi dengan Sistem Mesin Tiket Elektronik dan Sistem Pembayaran Tunai/ Tanpa Tunai yang menggunakan kad debit/ kredit & kad prabayar dengan modul *tap in-tap out*; dan
- v. Memastikan pengendali perkhidmatan mewujudkan satu aplikasi *Journey Planner* bagi semua bas yang beroperasi di dalam program SBST.

2. Bagi memastikan kualiti perkhidmatan bas berhenti-henti yang diberikan serta meningkatkan persepsi dan keyakinan para penumpang bas terhadap kualiti perkhidmatan pengangkutan awam, LPKP Sarawak telah menetapkan tiga Penunjuk Prestasi Utama (KPI) kepada pengendali perkhidmatan iaitu:

- i. Kecekapan Perjalanan - Mematuhi jadual perjalanan yang ditetapkan dengan memastikan perjalanan yang dibuat sekurang-kurangnya sebanyak 95%;

- ii. Ketepatan Masa - Mematuhi jadual waktu pelepasan perjalanan dengan memastikan setiap perjalanan yang dibuat mengikut masa yang ditetapkan mencapai sekurang-kurangnya 95%; dan
- iii. Keboleh harapan bas - Jumlah kerosakan bas semasa beroperasi dihadkan kepada maksima dua kerosakan tanpa bas gantian dan pemindahan para penumpang serta-merta dalam tempoh sebulan bagi setiap laluan.

3. Pelaksanaan Program SBST di Kuching, Sarawak bukan sahaja menjurus kepada penggantian bas baharu dan lebih moden, malah turut menumpukan kepada laluan bukan menguntungkan, namun diperlukan rakyat. Dengan adanya pelaksanaan Program SBST ini, para penumpang boleh menjangkakan masa menunggu yang singkat dan meningkatkan kekerapan *trip* bas yang mana akan menjadikan pengangkutan awam lebih dipercayai, cekap, selesa, mudah diakses, jaringan liputan lebih luas dan selamat digunakan oleh rakyat.

4. Memandangkan Program SBST ini mewajibkan syarikat untuk mewujudkan sistem aplikasi untuk kegunaan pengguna, maka masalah yang dihadapi oleh pengguna terhadap kepatuhan jadual kekerapan bas dapat diatasi dan pengguna boleh merancang perjalanan lebih awal ke destinasi masing-masing. Pemasangan sistem Mesin Tiket Elektronik (ETM) adalah lebih telus dalam aspek kutipan hasil dan memberi variasi dalam kaedah pembayaran kepada pengguna. Pada masa yang sama, ianya dapat membekalkan data jumlah penumpang bagi tujuan pemantauan dan kajian semula keberkesanan program SBST atau program-program lain.

Sekian, terima kasih.